

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA ULANGAN (SPMU) TAHUN 2026**

Kementerian Pendidikan (KPM) memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan (SPMU) Tahun 2026 akan dikeluarkan pada **20 Ogos 2026 (Khamis)**. Seramai **12,974** orang calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPMU bagi tahun 2026 di 188 pusat peperiksaan seluruh negara.

Calon boleh membuat semakan keputusan peperiksaan SPMU Tahun 2026 secara dalam talian melalui pautan **myresultspmu.moe.gov.my** bermula **20 Ogos 2026 (Khamis)**, pukul 10:00 pagi sehingga **26 Ogos 2026 (Rabu)**, pukul 6:00 petang.

KPM mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua calon atas keputusan peperiksaan SPMU bagi tahun 2026.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
19 OGOS 2026**